


Headline **Mun Yee belajar lagi**  
Date **04. Sep 2008**  
Media Title **Harian Metro**  
Section **Arena**  
Circulation **336603**  
Readership **2192000**

Language **MALAY**  
Page No **45**  
Article Size **187 cm<sup>2</sup>**  
Frequency **Daily**  
Color **Full Color**  
AdValue **2405.21**



## Mun Yee belajar lagi

**C**ERITA yang berlaku di Sukan Olimpik Beijing sudah lama berlalu dan bagi penerjun wanita negara, Leong Mun Yee (*gambar*) apa yang penting adalah memanfaatkan sepenuhnya tempoh rehat dua minggu bersama keluarga di Perak.

"Saya mahu melupakan apa yang berlaku di Beijing, bulan lalu. Kalau boleh apa yang berlaku biarkanlah."

"Hendak dikatakan tidak berpuas hati memang ada, namun tidak guna kita fikirkan perkara yang sudah berlalu," katanya.

Mengikut jadual pertandingan bagi skuad terjun negara, tahun depan tidaklah sesibuk seperti yang dilalui tahun ini memandangkan semua kejohanan besar sudah berakhir.

Justeru, memikirkan tempoh dilalui terlalu lama, Mun Yee secara terbuka menyatakan dia akan meneruskan pelajaran di Universiti Putra Malaysia (UPM), hujung tahun ini.

"Saya tidak sempat menghabiskan tempoh pengajian untuk semester pertama kerana sibuk dengan jadual latihan dan pertandingan."

"Jadi, inilah masa sesuai buat saya meneruskan pembelajaran yang selama ini tertangguh," katanya.

Mun Yee, 24, mencipta hatrik untuk mara ke temasya terbesar dunia bermula di Sydney dan terbaru di Beijing.

Bagaimanapun, ketika di Beijing, impian Mun Yee yang menyertai acara 3m papan anjal untuk ke separuh akhir tidak kesampaian selepas terjunan keempat kurang menjadi.